

# Mencari Sharlinie patut secara ikhlas

**S**EKALI lagi negara digemparkan dengan kehilangan seorang kanak-kanak perempuan Sharlinie Mohd Nasar, 5, pada awal 2008 ini. Tahun baru tetapi cabarannya tetap sama. Kesilapan lalu tetap terus berulang.

Kempen pencarian Sharlinie yang hilang dipercayai diculik bertambah agresif apabila ganjaran kepada pemberi maklumat mula ditawarkan dan poster kehilangannya ditampal di merata tempat. Semua pihak turun memberikan kerjasama yang baik dalam usaha mencari Sharlinie.

Kini ganjaran kepada pemberi maklumat sehingga membawa kepada penemuan Sharlinie meningkat kepada RM37,000.

Antara yang menawarkan ganjaran wang ringgit ialah Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Datuk Donald Lim Siang Chai yang melalui pusat perkhidmatannya, menawarkan ganjaran RM5,000 kepada sesiapa yang memberi maklumat sehingga terjumpanya kanak-kanak itu. Diharapkan, dengan ganjaran ini, masyarakat akan tampil menyalurkan maklumat.

Persoalannya, adakah warga Malaysia hanya akan memberi kerjasama dengan baik jika diberikan imbuhan. Adakah ini yang dimaksudkan dengan keadaan 'menang-menang.'

Ini bukan kes pertama membabitkan wang ringgit dijadikan sebagai ganjaran.

Ada yang sanggup menawarkan puluhan ribu ringgit semata-mata untuk mendapatkan maklumat si penculik bersandarkan rasa simpati terhadap keluarga mangsa.

Tujuannya adalah baik tetapi secara tidak langsung masyarakat Malaysia akan terdidik menjadi insan yang memerlukan 'balasan' untuk memberi bekerjasama.

Ini jelas apabila suatu ketika dulu kerajaan juga sempat menawarkan kereta Myvi kepada rakyat 'bertuah' yang tergolong di dalam rakyat ingkar yang lambat menukar kepada

MyKad. Mujurlah kerajaan cepat sedar dengan 'pembaziran' itu.

Masyarakat Malaysia sentiasa disogokkan dengan wang ringgit. Mungkin kerana didikan awalnya begitu. Dan akhirnya wujudlah insan yang mudah kabur melihat wang ringgit sehingga berlakunya rasuah.

Adakah ini boleh diklasifikasikan sebagai bibit-bibit rasuah. Secara teorinya, pihak A memberi ganjaran wang ringgit untuk mendapat imbuhan daripada B (maklumat).

Tidakkah lebih baik jika melakukan sesuatu itu dengan ikhlas tanpa memikirkan sebarang balasan.

Adakah ini berbaloi? Setakat ini tidak ada sesiapa pun berjaya memberi maklumat dan sekali gus mendapat wang ganjaran itu. Adakah kerana itu individu tertentu berani meletak harga atau nilai yang tinggi sebagai ganjaran pemberi maklumat.

Walaupun nilai ganjaran dinaikkan tetapi tiada sesiapa yang berjaya memberi maklumat dengan tepat. Malah, ada yang mengambil kesempatan mempermain-mainkan keadaan genting itu. Dan akhirnya pihak polis juga yang berjaya merungkai masalah berkenaan.

Jadilah masyarakat yang melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai mata dan telinga polis dengan ikhlas.

Ubahlah mentaliti cara berfikir masyarakat Malaysia. Hiduplah dengan penuh bertanggungjawab dan ikhlas berpadanan dengan permulaan tahun baru 2008/1429 Hijrah ini. Wang ringgit bukan segala-galanya.

Tetapi kemuafakatan, kerjasama dan keikhlasan boleh membentuk keamanan negara. Kuasa wang hanya akan menjatuhkan sesuatu masyarakat, jika penggunaannya tidak bertempat.

**NURULATIQ  
AHMAD BANDI,**  
*Program Komunikasi  
Universiti Sains Islam Malaysia.*